

# Raja Perlis minta tingkatkan pelaburan

UM/170510/27/1/D/Perlis 69

PADANG BESAR 16 Ogos – Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail meminta anak Perlis yang berjaya di luar negeri ini agar membantu meningkatkan pelaburan di Perlis.

Baginda bertitah, ahli-ahli korporat juga dialu-alu untuk memberi idea bagi menarik pelaburan ke negeri ini melalui pelbagai peluang yang ada di sini.

“Kadang-kadang kita di sini tidak nampak apa peluang itu tetapi orang luar lebih nampak, justeru kita mengalu-alukan mereka untuk merebut peluang yang ada,” titah baginda.

Tuanku Syed Sirajuddin mengambil contoh pelaburan terhadap perindustrian loji penukaran sisa buangan plastik kepada minyak diesel yang dibina di Sungai Batu Pahat di sini.

Loji berkenaan menghasilkan minyak diesel teknologi hijau berprestasi tinggi berjenama Syngas dibangun dan direka cipta oleh sebuah syarikat tempatan,

Saham Utama Sdn. Bhd.

Dalam pada itu, baginda juga bertitah agar ahli-ahli korporat berkenaan bersama-sama menjayakan program yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

“Mereka juga boleh membantu meningkatkan pendapatan MAIPs melalui pelaburan-pelaburan yang sesuai,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian selepas Majlis Penyampaian Zakat Perniagaan dan Bantuan Fakir Miskin serta Berbuka Puasa yang turut dihadiri oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail di sini, malam tadi.

Pada majlis tersebut, Pengerusi Padiberas Nasional Berhad (Bernas), Datuk Wira Syed Abdul Jabbar Shahabudin menyampaikan zakat perniagaan berjumlah RM178,970 sementara Pengarah Eksekutif Yayasan Harmoni, Radzuan Abdullah menyampaikan sumbangan bantuan fakir miskin

bernilai RM80,000 kepada Raja Perlis.

Dalam pada itu, baginda turut meminta anak negeri ini yang bermastautin di luar Perlis agar menjadi ‘duta’ bagi menjelaskan kepada orang ramai tentang tuduhan bahawa Perlis sebagai negeri fahaman wahabi.

“Tolong terangkan kepada orang luar Perlis bahawa kita di Perlis mengamalkan fahaman sunnah wal jamaah dan kita tidak pernah ketepikan hadis-hadis,” titah baginda.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, apabila orang ramai melabelkan Perlis berfahaman wahabi ia sekali gus mengaitkan wahabi dengan pengganas.

“Orang yang buat kenyataan tersebut kena datang ke Perlis, tengok apa kita praktik, jika tengok berbeza dengan al-Quran dan sunnah, beritahu saya, boleh kita anjurkan muzakarah kerana mencari tujuan yang betul,” titah baginda.